

**KENYATAAN MEDIA
YAB MENTERI BESAR PAHANG**

**SOP KHUSUS BAGI PREMIS PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 2.0 NEGERI PAHANG
(22 JANUARI SEHINGGA 4 FEBRUARI 2021)**

Kerajaan Negeri Pahang akur dengan arahan Kerajaan Persekutuan yang mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di Negeri Pahang mulai 22 Januari 2021 sehingga 4 Februari 2021 susulan berlakunya peningkatan kes Covid-19. Namun, dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Pahang perihatin dengan tekanan ekonomi terutamanya yang melibatkan peniaga-peniaga kecil dan sederhana (PKS). Justeru, sektor-sektor berikut dibenarkan beroperasi berdasarkan syarat-syarat seperti di bawah:

KOMPLEKS MEMBELI BELAH (SHOPPING MALLS)

1. Semua aktiviti perniagaan sedia ada dibenarkan beroperasi **KECUALI** aktiviti berbentuk hiburan dan permainan seperti *Kiddie Ride, Game Centre, Panggung Wayang, Karaoke, Snooker, Boling, Claw Game, Pub, Kelab Malam, Taman Tema Indoor & Outdoor Playground, Cybercafe, E-sports, Spa, Saloon, Kedai Gunting, Pusat Urut/Reflexology*, konsert dan acara langsung.
2. Menghadkan laluan / pintu masuk ke kompleks bagi mengawal bilangan pengunjung yang terlalu ramai hingga menyebabkan kesesakan dan sukar dikawal. Hanya laluan / pintu masuk melalui kompleks sahaja dibenarkan, pintu masuk melalui premis sewaan (tenant) adalah tidak dibenarkan.
3. Penggunaan lif dihadkan mengikut keluasan lif dan mesti dibuat penandaan jarak 1 meter di antara pengguna.
4. Penyewaan *kiosk / gerai / push cart* tertakluk kepada penjarakan (2 meter antara *kiosk*) pada kadar 50 % dari kuantiti sedia ada. Pihak kompleks perlu menyediakan pelan lantai bagi sewaan *kiosk / gerai / push cart*.
5. Menyediakan *hand Sanitizer / tisu / tong sampah* di setiap lokasi mesin pengeluaran wang (ATM) dan pintu masuk.
6. Pelanggan tidak dibenarkan mencuba (*fitting*) sebarang jenis pakaian dan

- kasut (melainkan dengan penggunaan plastik/stokin pakai buang). Pelanggan juga tidak dibenarkan membuat penukaran / pemulangan semula pakaian yang telah dibeli.
7. Restoran / premis makanan / *food court* yang terdapat di dalam kompleks boleh beroperasi secara beli dan bungkus, *take away* atau penghantaran sahaja. Tidak dibenarkan makan di premis.
 8. Kanak-kanak berumur 12 tahun kebawah tidak dibenarkan memasuki bangunan kompleks.
 9. Kompleks akan ditutup selama tiga (3) hari untuk pembersihan (*sanitation*) sekiranya terdapat kes positif COVID-19.
 10. Setiap tandas perlu dibuat sanitasi sekurang-kurangnya 3 kali sehari dan perlu direkodkan dalam buku rekod pembersihan.
 11. Pengguna surau dalam kompleks perlu menggunakan sejadah dan telekung sendiri dan penggunaan surau perlu dihadkan mengikut keluasan.
 12. Sabun pencuci tangan disediakan di surau dan di tandas.
 13. Menugaskan seorang pengawal sepanjang di pintu masuk kompleks, surau dan tandas.
 14. Waktu operasi kompleks perniagaan adalah dari jam 10.00 pagi 10.00 malam sahaja setiap hari.

PASAR MALAM

1. Waktu operasi yang dibenarkan adalah dari jam **4.00 petang sehingga 10.00 malam sahaja**.
2. Tapak pasar malam perlu mempunyai kawalan laluan masuk dan keluar.
3. Kedudukan di antara kanopi peniaga hendaklah berjarak 1 meter.
4. Susunan kanopi adalah mengikut kategori produk pada setiap lorong dan kawalan pengunjung perlu diadakan bagi mengelakkan berlaku sentuhan / pelanggaran sesama pengunjung.

5. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan mengunjungi pasar malam.

Semua premis/*outlet* perlu mematuhi SOP umum iaitu **WAJIB** memakai pelitup muka, penggunaan **aplikasi MySejahtera**, memeriksa **suhu** badan, **penjarakan** fizikal 1 meter dan penyediaan **hand sanitizer**. Peniaga dan pelanggan yang bergejala seperti batuk, demam dan selsema **DILARANG** mengunjungi kompleks dan pasar malam.

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
MENTERI BESAR PAHANG
22 JANUARI 2021